




Agensi Kelayakan Malaysia
Malaysian Qualifications Agency

Tel: +603 8688 3611 | Faks: +603 8688 3600

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
(Chief Executive Officer)
AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA
(Malaysian Qualifications Agency)
Mercuri MQA
No. 3539, Jalan Teknokrat 7, Cyber 5
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan

NO GIFT POLICY

13



Ruj. Kami : MQA.100-1/7/2 Jld. 4 (13)

Tarikh : 11 Oktober 2021

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

SURAT MAKLUMAN MQA BIL. 14/2021

**HALA TUJU DAN KEPERLUAN PENAWARAN PROGRAM SIJIL
TAHAP 3 KERANGKA KELAYAKAN MALAYSIA (MALAYSIAN QUALIFICATIONS
FRAMEWORK, MQF)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti mana tuan/puan sedia maklum, peranan utama Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) adalah untuk melaksanakan Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Framework, MQF) sebagai landasan sistem jaminan kualiti pengajian tinggi dan titik rujukan kriteria dan standard kelayakan kebangsaan.

3. *MQF 2nd Edition* yang diterbitkan pada tahun 2017 memperincikan profil kelayakan Sijil Tahap 3 MQF seperti berikut:

'Level 3 Certificate sets a minimum of 60 credits learning load. Learners demonstrate understanding of main basic facts, theories, principles, processes and skills in a subject or discipline for further study and work. The learner in the case of TVET type qualification must be capable to demonstrate technical knowledge and acquisition of variety of technical skills and processes. They are expected to perform a wider range of work activities with increasing complexity, some autonomy and responsibilities within the related context.'

4. Berdasarkan kepada perincian tersebut, Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) yang membangunkan program Sijil Tahap 3 MQF perlu memenuhi ketetapan profil kelayakan Sijil Tahap 3 MQF. Ia tidak sepatutnya hanya memfokus kepada aspek teoretikal bagi tujuan melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi iaitu Diploma Tahap 4 MQF semata-mata tetapi perlu menitikberatkan aspek praktikal yang mencukupi bagi tujuan menceburi bidang pekerjaan tertentu. Kedua-dua aspek ini perlu dinyatakan secara eksplisit bagi mengelakkan salah tafsir dan kekeliruan semasa proses penilaian akreditasi.

5. PPT dimohon mengambil perhatian yang sewajarnya bagi memastikan penawaran program Sijil Tahap 3 MQF memenuhi aspek jaminan kualiti yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



PROF. DATO' DR. MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN (DIMP, DPMP)